

## KAJIAN KEBOLEHPASARAN PENDAPATAN GAJI MINIMUM GRADUAN KOLEJ KOMUNITI KUANTAN: SATU TINJAUAN

Nor Fazlina Binti Harun, Maimunah binti Ismail & Lizawati binti Zainudin  
Kolej Komuniti Kuantan

### ABSTRACT

Every country has a minimum wage threshold that employers must adhere to, and Malaysia is no exception. The minimum wage in Malaysia was raised to RM1,500 per month starting from May 1, 2022, according to the Minimum Wage Order 2022. The implementation of the minimum wage is crucial to ensure that no group of workers is oppressed by excessively low and unreasonable wages. Therefore, this survey was conducted to assess the employability of graduates from Kuantan Community College regarding the minimum wage income. To measure the level of this minimum wage survey, secondary data was used, obtained from the analysis of graduate employability data developed by the Ministry of Higher Education through the e-anjung system, namely Graduate Tracer Study System (SKPG-TVET). The data obtained was analyzed using quantitative methods through IBM SPSS Statistics 23 software based on the employability data of Kuantan Community College graduates for three years from 2020 to 2022, involving 500 respondents. Data analysis found a significant increase in the percentage of graduates receiving salaries above the RM1500 minimum wage from year to year. In 2022, 33.3% of graduates received a minimum wage of RM1500-2000 compared to only 7% in 2020. The results of this study indicate that there is an increasing percentage of Kuantan Community College graduates obtaining a minimum wage in line with the government's efforts to help balance the cost of living and income of the B40 group, especially in urban areas.

**Keywords:** Minimum wage; graduates; employability.

### ABSTRAK

Setiap negara mempunyai had gaji minimum yang perlu diikuti oleh majikan di negara tersebut dan begitu juga dengan Malaysia. Gaji minimum yang telah diwartakan di Malaysia telah dinaikkan kepada RM1,500 sebulan bermula 1 Mei 2022 mengikut Perintah Gaji Minimum 2022. Penetapan gaji minimum penting dilaksanakan bagi memastikan tiada golongan pekerja yang tertindas dengan kadar upah yang sangat rendah dan tidak munasabah. Oleh sebab itu kajian tinjauan ini dijalankan untuk melihat sejauh mana kebolehpasaran pendapatan gaji minima graduan Kolej Komuniti Kuantan. Untuk mengukur tinjauan tahap gaji minimum ini, kajian ini menggunakan data sekunder yang diperoleh berdasarkan analisis data kajian kebolehpasaran graduan yang dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi melalui

sistem e-anjung iaitu Sistem Kajian Pengesahan Graduan-TVET (SKPG-TVET). Data yang diperoleh dianalisa menggunakan kaedah kuantitatif melalui perisian IBM SPSS Statistics 23 berdasarkan kepada data kebolehpasaran graduan Kolej Komuniti Kuantan selama tiga tahun bermula dari tahun 2020 sehingga tahun 2022 yang melibatkan 500 responden. Analisa data mendapati terdapat peningkatan signifikan peratusan graduan yang menerima gaji di atas paras gaji minimum RM1500 dari tahun ke tahun. Di mana pada tahun 2022 33.3% graduan menerima gaji minimum RM1500-2000 berbanding pada tahun 2020 hanya 7% sahaja. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat peningkatan peratusan graduan Kolej Komuniti Kuantan memperoleh gaji minimum selari dengan usaha kerajaan untuk membantu mengimbangi kos sara hidup dan pendapatan golongan B40 khususnya di bandar.

**Kata Kunci:** Gaji minimum, graduan, kebolehpasaran.

## PENGENALAN

Menurut International Labour Organization (ILO) 2014, gaji minimum ialah upah minimum yang perlu dibayar kepada pekerja untuk kerja atau perkhidmatan yang dilakukan dalam tempoh masa tertentu, sama ada berdasarkan output atau masa, dan yang tidak boleh dikurangkan oleh individu atau melalui perjanjian bersama. Undang-undang menetapkan gaji minimum ini untuk memenuhi keperluan asas kehidupan pekerja dan keluarganya, berdasarkan keadaan sosioekonomi negara. Di Malaysia, definisi gaji minimum di bawah seksyen 2, Akta Majlis Perundingan Gaji Perundingan Gaji Negara 2011 [Akta 732] ialah gaji pokok sahaja, tidak termasuk apa-apa elauan atau bayaran lain.

Perintah gaji minimum 2022 di Malaysia telah diwartakan sebagai Warta Kerajaan Persekutuan pada 27 April 2022 oleh Datuk Seri Saravanan A/L Murugan, Menteri Sumber Manusia. Kerajaan telah meluluskan pemberian kadar gaji minimum baharu, RM1,500 sebulan, di seluruh negara mulai 1 Mei 2022. Perkara 4(3)(a) dalam perintah gaji minimum baharu menyatakan bahawa pekerja yang diambil bekerja oleh majikan yang menggaji lima orang pekerja atau lebih akan dikenakan kadar gaji minimum RM1,500. Di samping itu, Perkara 4(3)(b) menyatakan Gaji minimum baharu ini hendaklah dibayar oleh majikan yang menjalankan pekerjaan profesional di bawah Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO), yang diterbitkan secara rasmi oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM), tanpa mengira bilangan pekerja yang diambil bekerja. Tetapi mulai 1 Januari 2023, kadar gaji minimum RM1,500 hanya akan dilaksanakan untuk majikan yang mempunyai kurang daripada lima pekerja.

Penetapan gaji minimum adalah inisiatif kerajaan untuk menjaga kebijakan pekerja, terutamanya kategori B40, yang menghadapi cabaran untuk bertahan selepas pandemik COVID19. Rakyat berasa tertekan dan terbeban kerana kos sara hidup yang meningkat, terutamanya semasa negara menghadapi wabak COVID-19. Oleh itu, kuasa beli rakyat akan meningkat secara tidak langsung apabila gaji minimum ditetapkan. Ini akan meningkatkan taraf hidup mereka. Selain itu, majikan juga digesa untuk tidak menganggap gaji minimum sebagai

gaji biasa. Pekerja wajar menerima pampasan yang sepadan dengan tahap kerja mereka atau tahap kelulusan mereka. Selain itu, usaha ini selaras dengan matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia negara yang membangun secara mampan dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif.

Kajian ini menggunakan data-data sedia ada yang diperolehi dari borang soal selidik kebolehpasaran graduan pelajar Kolej Komuniti Kuantan khasnya bermula dari tahun 2020 hingga 2022. Pelajar yang telah tamat pengajian akan menjawab borang ini sebelum mereka bergraduasi.

## SOROTAN LITERATUR

Peruntukan Akta 732, Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 menetapkan bahawa kajian penetapan gaji minimum perlu dilakukan setiap dua tahun. Dengan peningkatan gaji minimum ini, kadar gaji di negara ini akan menjadi kompetitif dan setanding dengan negara lain di Asia Tenggara. Kajian semula dan peningkatan gaji minimum yang berpatutan dijangka mampu meningkatkan motivasi dan produktiviti pekerja, yang seterusnya akan meningkatkan pendapatan syarikat. Pekerja juga mempunyai keupayaan untuk meningkatkan caruman mereka ke dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), dan mereka juga mempunyai keupayaan untuk meningkatkan jumlah simpanan wang untuk persaraan (Zuraini & Yasmin 2022).

Peningkatan Kos sara hidup yang meningkat telah menyumbang kepada keperluan untuk gaji yang tinggi (Hamidah et al., 2018). Oleh itu, faktor gaji memainkan peranan penting dalam menentukan sejauh mana penglibatan pekerja dalam organisasi. Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOHM), ekonomi Malaysia dijangka akan menghadapi cabaran dalam mengekalkan momentum ke arah pemulihian. Di mana Indeks Pelopor (IP) Malaysia yang merupakan indikator kepada pergerakan ekonomi ke hadapan secara keseluruhan perlahan kepada 6.9 peratus (DOHM, Mei 2021).

Kepuasan kerja merupakan salah satu komponen yang penting dalam motivasi kerja dan penting dalam memastikan pekerja sentiasa menunjukkan prestasi yang baik terhadap tugasnya (Agusramadani & Lia Amalia, 2018). Tahap kepuasan pekerja penting kerana mereka meluangkan masa yang lama dalam sehari ataupun waktu bekerja yang ditetapkan bagi menjana ekonomi masing-masing secara tidak langsung memberi kesan yang positif kepada majikan mahupun diri sendiri. (Noor Hidayah & Main 2018).

## PENYATAAN MASALAH

Kertas kajian ini merupakan kajian awal oleh penyelidik bagi mengetahui kadar pendapatan gaji minimum graduan Kolej Komuniti Kuantan. Sebagai penyelidik dan tenaga akademik, adalah penting untuk mengetahui samada para graduan Kolej Komuniti Kuantan mendapat sekurang-kurangnya gaji minimum selepas tamat belajar dan memasuki dunia pekerjaan. Hal ini dapat membantu pihak kolej menyediakan platform yang lebih baik kepada graduan demi mencapai gaji minimum RM1500.00 selaras usaha kerajaan untuk membantu mengatasi beban kos sara hidup dan memajukan sektor ekonomi negara.

## MASALAH YANG DIKAJI

- i. Kadar peratusan pendapatan gaji bulanan graduan Kolej Komuniti Kuantan.
- ii. Kadar peratusan pendapatan gaji minimum graduan Kolej Komuniti Kuantan.
- iii. Kadar peratusan pendapatan gaji graduan yang melebihi gaji minimum Kolej Komuniti Kuantan.

## KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian kadar pendapatan gaji minimum graduan Kolej Komuniti Kuantan dilaksanakan untuk:

- i. Membantu Unit Pengesahan Graduan, Alumni dan Kolaborasi Kolej Komuniti Kuantan merancang aktiviti bagi meningkatkan kebolehpasaranan graduan.
- ii. Mendapatkan data berkaitan kadar pendapatan gaji minimum graduan.
- iii. Menyokong usaha kerajaan dalam mencapai gaji minimum bagi golongan berpendapatan rendah.

## TUJUAN KAJIAN

Untuk mengetahui kadar pendapatan gaji minimum graduan Kolej Komuniti Kuantan dari tahun 2020 sehingga tahun 2022.

## OBJEKTIF KAJIAN

- i Mengenalpasti Kadar peratusan pendapatan gaji graduan Kolej Komuniti Kuantan.
- ii Mengenalpasti Kadar peratusan pendapatan gaji minimum graduan Kolej Komuniti Kuantan.
- iii Mengenalpasti Kadar peratusan pendapatan gaji graduan yang melebihi gaji minimum Kolej Komuniti Kuantan.

## SOALAN KAJIAN

- i Berapakah peratusan pendapatan gaji bulanan graduan?
- ii Berapakah peratusan pendapatan gaji minimum graduan?
- iii Sejauh manakah peratusan pendapatan gaji graduan yang melebihi gaji minimum?

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu analisis data daripada laporan kebolehpasaran graduan Kolej Komuniti Kuantan selama tiga tahun bermula dari tahun 2020 sehingga tahun 2022. Keseluruhan jumlah graduan pada tiga tahun tersebut ialah seramai 537 orang dengan 500 orang responden yang telah menjawab kajian kebolehpasaran graduan. Penyelidik telah menganalisis data kajian kebolehpasaran graduan yang dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi melalui sistem e-anjung iaitu Sistem Kajian Pengesahan Graduan-TVET (SKPG-TVET) yang dijalankan pada setiap tahun. Analisa data adalah menggunakan IBM SPSS Statistics 23 dengan menumpukan kepada jadual peratusan kekerapan.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


### Bahagian A: Demografi

Seramai 500 jumlah responden yang telah memberi komitmen menjawab borang soal selidik kebolehpasaran graduan daripada 537 orang graduan selama tiga tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2020, 2021 sehingga 2022. Pada tahun 2022 jumlah yang menjawab adalah sebanyak 91.0% iaitu 152 responden daripada 167 orang graduan berbanding tahun 2021 jumlah yang menjawab adalah 90.7% iaitu 215 responden daripada 237 orang graduan. Manakala pada tahun 2020 100% iaitu kesemua 133 responden telah menjawab kajian tersebut.

**Jadual 1:** Jumlah Bilangan Responden mengikut tahun( $n=500$ )

TAHUN		BILANGAN	BILANGAN	PERATUS
		RESPONDEN	GRADUAN	%
1	2020	133	133	100.0
2	2021	215	237	90.7
3	2022	152	167	91.0
	<b>JUMLAH</b>	<b>500</b>	<b>537</b>	<b>93.1</b>

Berikut adalah carta pecahan bilangan responden untuk tahun 2020, 2021 dan 2022. Daripada carta didapati jumlah bilangan yang menjawab borang soal selidik kebolehpasaran graduan adalah melebihi 90% dari jumlah graduan.



**Carta 1:** Bilangan Responden mengikut bidang pada tahun 2020




**Carta 2:** Bilangan Responden mengikut bidang pada tahun 2021




**Carta 3:** Bilangan Responden mengikut bidang pada tahun 2022

#### Bahagian B: Kadar Peratusan Pendapatan Gaji Graduan


Melalui kajian kebolehpasaran yang telah dijalankan selama tiga tahun berturut-turut seramai 376 graduan berstatus bekerja dan mempunyai pendapatan. Status graduan yang bekerja adalah 114 graduan (2020), 148 graduan (2021) dan 114 (2022). Kadar gaji graduan bagi setiap tahun direkodkan seperti carta dibawah:



**Carta 4:** Kadar gaji graduan pada tahun 2020



**Carta 5:** Kadar gaji graduan pada tahun 2021



**Carta 6:** Kadar gaji graduan pada tahun 2022


Daripada carta gaji pada ketiga-tiga tahun berkenaan, didapati terdapat 2 skala kadar gaji yang mendominasikan pendapatan graduan iaitu skala gaji RM1001 – RM1500 dan RM1501 – RM2000. Skala gaji RM1001 – RM1500 adalah kadar pendapatan gaji minimum manakala skala gaji RM1500 – RM2000 adalah skala gaji yang melepas gaji minimum.

### Bahagian C: Kadar Peratusan Gaji Minimum Graduan

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia kadar gaji minimum telah disemak sebanyak 3 kali dalam tempoh Rancangan Malaysia ke-11. Semakan pertama pada 1 Julai 2016 dengan menguatkuasa meningkatkan gaji minimum RM900 kepada RM1000 di Semenanjung Malaysia manakala bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan daripada RM800 ditingkatkan kepada RM920. Semakan ke-2 pula telah dibuat pada 2018 dan dikuatkuasakan bermula pada 1 Januari 2019 iaitu dengan menyeragamkan kadar gaji minimum di seluruh Malaysia pada RM1100. Semakan ke-3 pula adalah pada 1 Februari 2020 dengan

meningkatkan kadar gaji minimum kepada RM1200. Pada 1 Mei 2022, kerajaan telah memutuskan untuk meningkatkan gaji minimum kepada RM1500.

Graf dibawah menunjukkan unjuran pendapatan gaji minimum graduan (skala gaji RM1001-RM1500):



**Graf 1:** Peratusan pendapatan gaji minimum (RM1001-RM1500) graduan tahun 2020 -2022

Daripada graf di atas, pada tahun 2020 sebanyak 84.20% graduan yang mendapat gaji minimum dengan kadar gaji antara Rm1001 – Rm1500. Peratusan ini menurun sebanyak 21.4% pada tahun 2021 iaitu dengan 62.80% yang memperolehi gaji minimum. Peratusan ini terus menurun pada tahun 2022 dengan hanya 56.10% sahaja yang menerima gaji minimum. Peratusan yang menurun ini adalah berkait rapat dengan kenaikan peningkatan peratusan graduan yang memperolehi gaji melebihi gaji minimum yang akan dibincangkan pada bab seterusnya.

Daripada kajian yang dijalankan juga didapati terdapat juga segelintir graduan yang masih menerima gaji dibawah paras gaji minimum iaitu gaji di bawah RM1000 dan kebawah. Graf di bawah menunjukkan peratusan graduan yang mendapat gaji di bawah RM 1000:




**Graf 2:** Peratusan pendapatan graduan gaji di bawah RM1000  
tahun 2020 -2022

Pada tahun 2020, tiada graduan yang mendapat gaji dibawah RM1000. Namun pada tahun 2021 terdapat peningkatan sebanyak 12.20% graduan yang masih menerima gaji di bawah RM1000. Pandemik COVID-19 pada tahun 2021 berkemungkinan besar menyumbangkan kepada faktor peningkatan graduan menerima gaji dibawah paras minimum. Hal ini disokong dengan Laporan Pasaran Pekerjaan dan Trend Gaji 2023 oleh Randstad (syarikat perkhidmatan sumber manusia terbesar dunia) yang melaporkan bahawa gaji dan kerjaya tidak berkembang sepanjang pandemik COVID-19 apabila banyak syarikat-syarikat membekukan pengambilan pekerja, kenaikan gaji dan pembayaran bonus.

#### Bahagian D: Kadar Peratusan Pendapatan Gaji Graduan Yang Melebihi Gaji Minimum

Pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi meningkatkan kenaikan gaji pada setiap tahun. Syarikat perkhidmatan terbesar sumber manusia di dunia, Randstad melaporkan dalam Laporan Pasaran Pekerjaan dan Trend Gaji 2023 bahawa kenaikan kos sara hidup dan peningkatan inflasi di Malaysia memberi kesan kepada kemampuan rakyat untuk membiayai barang keperluan serta gaya hidup. Menurut laporan itu juga pekerja di Malaysia dijangka akan menerima pelarasan gaji pada kadar antara 3% hingga 20% pada tahun 2023 bergantung kepada pertumbuhan tinggi industri seperti teknologi dan pembuatan.



**Graf 3:** Peratusan pendapatan gaji graduan yang melebihi gaji minimum tahun 2020 -2022

Trend kenaikan gaji pada setiap tahun ini adalah bertepatan dan selari dengan hasil responden graduan yang telah menjawab soal kaji selidik kebolehpasaran graduan. Pada tahun 2020, graduan yang mendapat gaji melebihi gaji minimum iaitu skala gaji antara RM1500 – rm2000 adalah 7.0%. Pada tahun 2021 pula peratusan ini telah meningkat kepada 13.50% dengan kadar kenaikan sebanyak 6.5%. Manakala pada tahun 2022 menunjukkan peningkatan yang lebih tinggi dengan 19.8% menjadikan sebanyak 33.3% graduan yang mendapat gaji melebihi kadar gaji minimum.

Kadar peningkatan gaji graduan yang mendapat gaji melebihi gaji minimum ini membuktikan bahawa usaha kerajaan dalam menjaga kebajikan pekerja dengan penetapan gaji minimum pada setiap dua (2) tahun adalah dilandaskan yang tepat selaras dengan peruntukan Akta 732 (keperluan mengkaji gaji minimum setiap dua tahun).

## RUMUSAN

Secara konklusinya, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa graduan Kolej Komuniti Kuantan memperolehi gaji pendapatan minimum selari dengan usaha kerajaan meningkatkan taraf ekonomi rakyat. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan trend pendapatan graduan meningkat lebih tinggi iaitu melepasi gaji minimum. Perkara ini membuktikan segala usaha pihak berkaitan, dasar-dasar yang telah dilaksanakan telah berjaya untuk meningkatkan pendapatan gaji minimum khususnya dikalangan graduan institusi TVET.

Isu berkaitan peningkatan kos sara hidup adalah sangat berhubung kait dengan kadar peningkatan gaji minimum. Demi kestabilan ekonomi yang lebih terjamin, pendapatan gaji pekerja adalah perlu selaras. Adalah amat diharapkan agar pendapatan yang diperolehi oleh para graduan Kolej Komuniti Kuantan akan bertambah baik di masa-masa akan datang demi

menjaga kebijakan serta meningkatkan motivasi graduan dalam bekerja. Antara saranan untuk penambahbaikan kajian pada masa akan datang adalah membuat kajian berkaitan kadar gaji minimum graduan dengan bidang pengajian graduan, untuk mengetahui hubung kait pendapatan gaji dengan bidang pengajian graduan.

**RUJUKAN**

- Affan Rostam. (2022). Gaji Minimum Malaysia Tertinggi di Rantau ASEAN. Diperolehi daripada <https://www.bharian.com.my>.
- Agusramadani & Lia Amalia. (2018). The influence of job involvement and job satisfaction toward employee turnover intention (Case in Indonesia Broadcastin). IOSR Journal of Business and Management, 20(5), 11-18.
- Gaji Pekerja Malaysia Dijangka naik Sehingga 20% (2023). Diperolehi daripada <https://edubestari.com>.
- Hamidah Abd. Latiff, Faezah Kamisan & Halimatul Muna Mohd Din. (2018). Faktor – Faktor Yang Mempengaruhi Pusing Ganti Pekerja Di Pasaraya Econsave Malim, Melaka. Melaka: Penerbit Politeknik Merlimau.
- International Labour Office. (2014). Minimum wage systems. [http://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---ed\\_norm/--relconf/documents/meetingdocument/wcms\\_235287.pdf](http://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---ed_norm/--relconf/documents/meetingdocument/wcms_235287.pdf).
- Majlis Perundingan Gaji Negara, Kementerian Sumber Manusia. (2012). Soalan Lazim (FAQ) Berkaitan Gaji Minimum di Malaysia. [http://www.mohr.gov.my/pdf/FAQ\\_GAJIMINIMUM.pdf](http://www.mohr.gov.my/pdf/FAQ_GAJIMINIMUM.pdf).
- Perintah Gaji Minimum (2013). Warta Kerajaan Persekutuan: P.U. (A) 214. Diperolehi daripada <http://www.mohr.gov.my/docz/perintahgajiminimum2013.pdf>.
- Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (2021). <https://www.ekonomi.gov.my>
- Undang-undang Malaysia: Akta 732, Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011(2016). <http://epjs.kehakiman.gov.my>.
- Warta Kerajaan Persekutuan Bertarikh 24 April 2022: Perintah Gaji Minimum 2022 (2022). <https://www.jtkswk.gov.my>.